

30 OCT 2001

LAOS-PELABURAN

PELUANG LUAS BAGI PELABUR M'SIA DI LAOS

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Peluang-peluang yang luas wujud di Laos untuk diterokai oleh pelabur-pelabur Malaysia khususnya dalam bidang pertanian, pengangkutan dan prasarana, kata Naib Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia, Datuk Syed Amin AlJeffri.

Katanya, walaupun pasaran di negara itu kecil dengan penduduk yang berjumlah 5.218 juta, namun ia boleh menjadi batu loncatan bagi pelabur-pelabur Malaysia untuk menembusi pasaran-pasaran berhampiran yang lebih besar di Rusia dan China.

Salah satu sektor pertanian berpotensi yang boleh dimanfaatkan ialah kulturkebunan, katanya kepada pemberita selepas majlis jamuan tengah hari yang dianjurkan oleh dewan itu bagi meraikan Perdana Menteri Laos, Bounnhang Vorachith, yang sedang dalam lawatan ke negara ini.

Syed Amin berkata, kulturkebunan adalah industri yang besar di Laos. Bunga yang dihasilkan di negara itu dieksport ke Rusia dan China.

Pelabur-pelabur Malaysia boleh menerokai kemungkinan ini terutama dalam penanaman orkid, katanya.

Menurut Syed Amin, melalui perbincangan dengan Vorachith, Laos juga mengalu-alukan pelabur-pelabur asing untuk mengambil bahagian dan beberapa projek prasarananya yang besar, selain daripada kulturkebunan.

Bagaimanapun, kata Syed Amin: "Sukar bagi pelabur Malaysia untuk membuat tawaran tender bagi projek-projek itu secara sendirian, lebih baik melalui konsortium syarikat, khususnya bagi projek-projek prasarana."

Pada masa ini, Laos memerlukan laluan mudah ke mana-mana pelabuhan berdekatan di Vietnam, dan di situ ada peluang untuk memajukan rangkaian kereta api sepanjang 600km di antara Laos dan Vietnam.

"Ini adalah satu daripada peluang-peluang keemasan bagi syarikat-syarikat Malaysia, terutama jika mereka boleh mengadakan kerjasama dengan Keretapi Tanah Melayu Bhd."

Selain itu, beberapa syarikat Malaysia telahpun menerokai kemungkinan mengambil bahagian dan projek tenaga hidroelektrik di bahagian selatan Laos.

Naib Pengerusi Jawatankuasa Perbadanan dan Perancang Negara Laos, Khempheng Polsena berkata, ada banyak sumber hidroelektrik yang tidak dimanfaatkan di Laos, dan ia telahpun menandatangani memorandum persefahaman dengan Thailand untuk mengesport tenaga elektrik mulai tahun 2006.

Selain penjanaan tenaga hidroelektrik, katanya, pelabur-pelabur juga dipelawa untuk mengambil bahagian dalam industri pembuatan berasaskan kayu, tekstil dan kraftangan.

Laos juga kaya dengan deposit galian seperti emas, timah, zink, bijih besi, batu kapur, gipsum, batu permata serta minyak dan gas. Beberapa konsesi berkaitan ini telahpun diberikan kepada pelabur-pelabur asing, kata Polsena.

Polsena berkata Laos stabil dari segi politik dan sosial, dan kadar cukai korporatnya hanya 20 peratus, iaitu antara yang terendah di rantau ini.

Setakat 10 Sept 2001, pelabur terbesar di negara itu ialah Thailand, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Malaysia dan China.

Presiden NCCIM, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin berkata, pada masa ini ada 22 syarikat Malaysia yang beroperasi di Laos dengan komitmen modal berjumlah RM10.3 juta.

"Komitmen ini adalah sama ada projek yang dijalankan secara bersendirian atau secara bersama dalam bidang pembinaan, perladangan, tenaga hidro, pelancongan, perbankan, pemprosesan kayu, perlombongan, perundingan perdagangan dan pendidikan," katanya dalam ucapannya yang dibacakan oleh Syed Amin pada majlis makan tengah hari itu.

Abdul Rahman berkata, walaupun wujud hubungan erat di antara Malaysia dan Laos, namun perdagangan dua hala antara kedua-dua negara amat kecil.

"Pada tahun 2000 jumlah dagangan (dua hala) berjumlah RM7.2 juta, yang merupakan 0.001 peratus perdagangan Malaysia di seluruh dunia."

Eksport Malaysia ke Laos bernilai RM6.6 juta, yang terdiri daripada tembakau, mesin pemproses data automatik, minyak sayur dan tekstil.

Sebaliknya, import Malaysia dari Laos berjumlah RM0.6 juta, kebanyakannya terdiri daripada poliasetal, hidrokarbon, peralatan elektrik, perintang, litar bercetak, papan suis, cat dan barnis serta haiwan hidup.

Dalam ucapannya pula, Vorachith berkata, beliau bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kedua-dua negara masih mempunyai banyak potensi yang tidak diteroka dalam membina hubungan kerjasama terutama dalam bidang ekonomi, pelaburan, perdagangan dan pelancongan.

Kedua-dua perdana menteri juga sependapat bahawa pertukaran lawatan antara sektor awam dan swasta kedua-dua negara patut digalakkan dengan giat, tambahnya.

Vorachith berkata: "Ia juga bertujuan merapatkan jurang pembangunan antara anggota lama dan baru Asean."

Beliau berharap, ahli-ahli perniagaan Malaysia akan lebih memahami dan lebih berminat untuk melabur dan berdagang dengan Laos.

-- BERNAMA

MK KTC KY OS